

28/06/1999

Memang wajar Umno dekati penghuni IPT

Mustafa Albakri

SECARA umum Umno sudah lama tidak mendampingi pelajar institusi pengajian tinggi sama ada di seberang laut atau tempatan. Walaupun kelab Umno wujud di kalangan pelajar di seberang laut seperti di United Kingdom dan Amerika Syarikat, kegiatannya tidak begitu memberangsangkan. Pemimpin Umno jarang meninjau perkembangan kelab berkenaan dan kegiatan yang dianjurkan agak hambar. Pemimpin Umno yang pergi ke seberang laut atas urusan kerajaan, kebiasaannya hanya mengadakan pertemuan yang singkat saja sebagai salah satu daripada acara mereka yang cukup padat. Apa yang lebih mendukacitakan ialah pemimpin Umno jarang menjengah pelajar di luar London atau New York yang kerap dikunjungi mereka.

Kealpaan Umno telah membuka ruang yang luas kepada persatuan lain bergerak cergas di kalangan pelajar di seberang laut dan tempatan. Di seberang laut, persatuan seperti Hizbi (berhaluan Pas), MSG (Malaysian Students Group)-Abim, Jemaah Islamiah Malaysia (JIM), pergerakan al-Arqam selain Persatuan Pelajar Malaysia memang aktif. Kebanyakan persatuan mempunyai program yang diatur sepanjang tahun, risalah dan laman web. Mereka berhubung rapat melalui Internet dengan rangkaian persatuan pelajar Malaysia yang sehaluan di Amerika Syarikat serta negara lain selain di tanah air.

Sesetengah persatuan mendapat sokongan dari tanah air. Pemimpin politik yang dipercayai atas kecenderungan politik tertentu menjelajah United Kingdom untuk menemui persatuan pelajar sama ada atas undangan atau diutuskan ke sana. Ternyata tujuan mereka melawat bukan untuk membantu pembelajaran dan penyelidikan pelajar kerana bukan soal pelajar yang diperbincangkan. Mereka membawa perkhabaran dari tanah air kononnya untuk dikongsi bersama dengan persatuan terbabit.

Memang wajar pelajar Malaysia di seberang laut menyertai persatuan supaya kehidupan mereka lebih teratur, tidak terumbang-ambing dan tidak terjebak dalam budaya kuning. Bagaimanapun, persatuan yang mempunyai kepentingan politik tertentu menyogok sentimen 'anti establishment' yang lama kelamaan terpahat di kepala pelajar. Malah sesetengah kumpulan pelajar mengatur program orientasi di kalangan pelajar Malaysia yang baru menjejak kaki di seberang laut seolah-olah mereka yang berhak dan diberi amanah untuk mencorakkan pelajar berkenaan.

Pelajar baru di seberang laut sudah didampingi sejak awal lagi oleh persatuan berhaluan politik tertentu yang cuba mengongkong pemikiran mereka. Persatuan berkenaan yang berpengaruh di kalangan pelajar lama menganjurkan orientasi di kalangan pelajar baru walaupun tidak mendapat restu secara rasmi daripada MSD. Tanggungjawab yang mereka pikul untuk mengatur program berkenaan memang dipuji, tetapi pengisian program berkenaan patut dimantau oleh MSD. Ini kerana haluan yang dibawa mungkin bercanggah dengan arus perdana politik dan ekonomi negara.

Walaupun pelajar baru sebenarnya tidak perlu menghadiri program berkenaan, tetapi kebanyakan mereka mengikutinya kerana khuatir dipulaukan atau berasa cuak kerana berada di rantau orang. MSD sendiri patut mengambil tahu soal ini. Setakat ini hanya pelajar yang melanjutkan pelajaran dengan pinjaman Mara diwajibkan mengikuti kursus Biro Tata Negara sebelum berlepas ke seberang laut. Agak malang kerana hampir 99 peratus pelajar Melayu yang melanjutkan pelajaran ke seberang laut mendapat biasiswa kerajaan.

Pelajar yang baru meninggalkan alam persekolahan dan melangkah ke menara

gading kebiasaannya tidak begitu ambil pusing mengenai sepak terajang politik tanah air, tetapi selepas mendampingi kumpulan anti kerajaan, kecenderungan mereka pun dikhuatiri boleh menjurus ke arah itu. Sudah tiba masanya Umno merapatkan hubungan dengan pelajar sama ada di seberang laut atau di tanah air seperti yang diajukan oleh presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Umno tidak berbuat demikian sebelum ini kerana berasa pelajar menumpukan perhatian kepada pelajaran. Ini memberi peluang kepada parti pembangkang menemui pelajar dan menghasut mereka sehingga sesetengahnya membenci Umno. Memang wajar Umno sebagai tulang belakang kerajaan mendekati pelajar Melayu di institut pengajian tinggi (IPT) kerana mereka adalah pewaris agenda Melayu. Pelajar Melayu perlu menghargai hakikat bahawa mereka perlu mengembleng tenaga untuk menggarap Wawasan 2020.

Kekusutan dan kecelaruan pelajar mengenai hakikat sebenar keadaan politik dan ekonomi tanah air perlu diperbetulkan. Untuk mengembalikan pemikiran pelajar ke landasan yang betul kita memerlukan pemimpin yang dapat mendampingi pelajar dengan penuh kewarasan fikiran. Kekecohan di majlis debat 'Wajarkah Mahasiswa Berpolitik' yang dihadiri kira-kira 5,000 pelajar kampus Universiti Kebangsaan Malaya baru-baru ini menerjah kelemahan Pemuda Umno mematahkan bukan saja serangan parti pembangkang, malah menjadi gelabah dengan sorakan pelajar.

Pemuda Umno sendiri wajar melakukan kritik diri kerana wakilnya pada majlis berkenaan tidak dapat mengawal dirinya daripada mengeluarkan ungkapan yang tidak matang, apatah lagi memperjelaskan pendirian parti. Pemuda Umno perlu terlebih dulu meningkatkan keberkesanan wakilnya dalam usaha merapati pelajar yang ternyata kini lebih tajam pemikiran mereka dan tidak menerima sesuatu kenyataan tanpa ulasan yang jitu. Pelajar berkenaan adalah produk sistem pendidikan negara yang wajar diterapkan dalam arus perdana politik tanah air dan kerangka agenda Umno selepas sekian lama disisihkan.

(END)